

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: DI UPACARA PERASMIAN UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK TENTERA DARAT
YANG KEDUA

TEMPAT: KEM TERENDAK, MELAKA

TARIKH: 17 FEB 1983

MASA:

ASSALAMU 'ALAIKUM WARAHMATULAHИ WABARAKATUH.

Yang Amat Berhormat Encik Abdul Rahim bin
Datuk Tamby Chik, Ketua Menteri Melaka;

Yang Berhormat Abang Abu Bakar,
Timbalan Menteri Pertahanan;

Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim,
Timbalan Menteri, di Jabatan Perdana
Menteri;

Yang Berbahagia Tan Sri Jeneral Ghazali Mohd.
Seth, Panglima Angkatan Tentera;

Yang Berbahagia Tan Sri Jeneral Zain Hashim,
Panglima Tentera Darat;

Dif-dif Kehormat;

Perajurit-perajurit yang saya hormati
sekelian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana
dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama di upacara
pembukaan Ujian Kemahiran Menembak Tentera Darat tahun 1983,
pada pagi ini.

2. Di antara tugas-tugas utama sesebuah Angkatan Tentera
di masa aman ialah menjalankan latihan, iaitu bagi
melengkapkan para perajurit dengan segala pengetahuan,
kecekapan dan kemahiran untuk menghadapi sebarang
kemungkinan. Kita tidak dapat menjamin apa yang akan
berlaku pada hari esok. Kita juga tidak selalu dapat
mempastikan bila musuh akan bertindak. Oleh yang demikian,
latihan-latihan mestilah dilaksanakan berterusan dan dengan
penuh daya usaha, kepintaran dan dengan bersemangat. Dengan
cara ini, setiap anggota angkatan tentera akan sentiasa
cekap, cekal dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

3. Saya merasa bangga kerana Tentera Darat telah dapat
terus mengadakan acara-acara seperti ini sebagai salah satu
langkah ke arah memenuhi keperluan latihan yang saya
sebutkan tadi. Walaupun Ujian Kemahiran Menembak ini akan
menanam semangat pertandingan antara unit-unit, tetapi
konsep memberi latihan adalah lebih penting. Janganlah
menang-kalah dipentingkan, tetapi mereka yang cekap patut
berusaha meningkatkan kecekapan masing-masing, dan yang
kurang cekap, patutlah berlatih lagi. Adalah menjadi

harapan negara supaya kecekapan angkatan tentera keseluruhannya akan semakin meningkat.

4. Kemelesetan ekonomi dunia, dan langkah-langkah jimat-cermat yang diambil oleh negara juga melibatkan angkatan tentera. Ia tidak seharusnya menjadi batu penghalang kepada usaha-usaha latihan. Malahan kita hendaklah mengambil keadaan ini sebagai satu cabaran atau ujian ke atas kemampuan kita meneruskan tugas di dalam serba kesempitan. Cabaran ini akan memastikan sejauh manakah kemampuan daya pemikiran dan keazaman kita bagi mengatasi segala kekurangan. Dalam peperangan sebenarnya, kita akan menghadapi berbagai cabaran dan berbagai kesempitan. Angkatan tentera yang bersemangat akan berjaya mengatasi apa-apa kesempitan dan masalah. Saya yakin para perajurit kita mempunyai semangat untuk mengatasi kesempitan di masa kemelesetan ekonomi ini, yang boleh dikatakan kecil jikalau dibandingkan dengan kesempitan segala-galanya di masa perang.

5. Menyentuh tentang 'keazaman', ianya juga adalah satu daripada matlamat yang hendak disemaikan di sebalik dasar 'Pandang ke Timur'. Kita semua tahu negeri Jepun telah hancur di dalam Peperangan Dunia Kedua. Begitu juga Korea Selatan mengalami kerosakan besar akibat peperangan. Kalau ditinjau dari segi kemusnahan yang dialami oleh negara-negara berkenaan, mereka tidak akan dapat bangun dalam masa seratus tahun. Akan tetapi, rakyat kedua-dua negara ini telah mempelajari dari pengalaman tersebut dan menjadikannya sebagai satu cabaran bagi mengukuhkan azam untuk terus hidup dan maju. Hasil dari keazaman ini kedua-dua negara tersebut bukan sahaja dapat membangun semula tetapi kemajuan mereka juga merupakan salah satu yang mengkagumkan di dunia selepas peperangan tersebut.

6. Oleh kerana kita menghadapi kemelesetan ekonomi ini, semua Jabatan Kerajaan termasuklah Angkatan Tentera dikehendaki berjimat-cermat serta berhati-hati terutama sekali tentang pembelian alat-alat baru dan pengambilan tambahan anggota tentera. Namun demikian kita semua mempunyai keupayaan untuk berkembang dan membangun dari segi kecekapan, kemahiran dan menebalkan semangat. Pada masa ini kita harus mengambil peluang ini bagi menempah kemajuan dari aspek-aspek yang saya sebutkan tadi.

7. Dalam hal ini Cogankata Tentera Darat 'Satu Peluru Satu Musuh' adalah bersesuaian dan menepati matlamat Tentera Darat sendiri. Cogankata ini membawa pengertian dan menuntut setiap anggota Tentera Darat mempunyai kemahiran menembak dengan cekap dan tepat. Kalau kita teliti, cogankata ini juga membawa pengertian untuk berjimat-cermat. Ianya mengingatkan kita supaya tidak membazir dalam apa jua, sesuai dengan kemahuan dan dasar negara untuk berjimat-cermat. Jika dibandingkan dengan beberapa negara lain, negara kita masih bernasib baik. Malaysia bukan sahaja subur, tetapi kaya dengan hasil buminya. Akan tetapi, ini tidak bermakna kita boleh terus hidup

bermewah-mewahan dan membuat apa sahaja sewenang-wenangnyanya. Kita mestilah melatihkan diri kita supaya tidak membazir.

Para perajurit sekalian,

8. Saya berharap Ujian Kemahiran Menembak Tentera Darat ini akan menanamkan semangat persaingan yang sihat di kalangan anggota-anggota Tentera Darat. Semangat ingin mengatasi pihak lawan perlu disemai dan dipupuk supaya menjadi sehati dengan jiwa setiap perajurit. Semoga semangat ini dapat dihalakan kepada musuh dalam peperangan, atau tatkala menentang musuh negara.

9. Saya telah difahamkan bahawa ujian kemahiran menembak ini adalah salah satu daripada acara sambutan Jubli Emas Tentera Darat. Pada hemat saya, Tentera Darat kita telah cukup dewasa dan mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Banyak kejayaan yang telah dicapai selama ini dan tidak kurang juga pengalaman-pengalaman pahit yang dirasai oleh Tentera Darat kita dalam melalui liku-liku perjuangannya. Rakyat dan negara Malaysia amat menyedari akan hakikat ini. Seluruh rakyat menghargai perjuangan dan pengorbanan yang telah dicurahkan selama ini oleh seluruh angkatan tentera amnya, dan tentera darat khususnya.

10. Justeru itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut perayaan Jubli Emas kepada seluruh anggota Tentera Darat. Semoga Allah Subhanahu Wataala akan memberi perlindungan dan kekuatan kepada saudara-saudara untuk meneruskan perjuangan bagi mempertahankan negara kita ini. Di samping itu bersama-samalah kita berdoa kepada Allah subhanahu wataala semoga roh-roh perajurit kita yang terkorban dicucuri rahmat dan mendapat tempat yang mulia di sisiNya.

11. Dengan ini, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan acara Ujian Kemahiran Menembak Tentera Darat tahun 1983 ini dimulakan dengan rasminya. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.